

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini mengandungi maklumat penting mengenai Takaful Keluarga anda. Pelanggan lain turut membaca LPP ini dan mendapati ia membantu; **anda juga patut membacanya.**

LPP ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan berdasarkan lelaki sihat berumur 30 tahun yang tidak merokok.



1 Apakah Takaful Family Hero?

Tarikh: 05 Dec 2025

Takaful Family Hero menawarkan perlindungan Takaful selama **50** tahun. Ia menyediakan perlindungan kematian dan Hilang Upaya Keseluruhan dan Kekal (HUKK). Tambahan pula, produk ini memberikan perlindungan tambahan untuk kematian akibat kemalangan. Produk ini juga memberikan Manfaat Ziarah Plus, Manfaat Pemulihan Tahunan HUKK, Manfaat Matang dan Hak Istimewa Penjagaan Keluarga.

Konsep Syariah dan jenis dana yang diguna pakai:

- **Takaful** - Konsep saling membantu antara Peserta-Peserta untuk memberi caruman kepada Dana Risiko Peserta (DRP) bagi manfaat Takaful yang akan dibayar kepada Peserta-Peserta atau waris-waris mereka apabila berlakunya peristiwa yang telah dipersetujui.
- **Wakalah** - Pelantikan wakil bagi menguruskan transaksi bagi pihak orang lain. Dalam kontrak Takaful ini, Kami akan menguruskan Sijil Takaful anda dengan mengenakan Yuran *Wakalah* pendahuluan kepada anda.
- **Tabarru'** - Jumlah wang yang dicarumkan oleh peserta ke dalam DERP berdasarkan kontrak sumbangan.
- **Qard** - Pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Kami jika berlakunya defisit terhadap DERP.
- **Hibah** - Kontrak hadiah yang diguna pakai dalam pengagihan lebihan daripada DERP kepada Peserta yang layak.
- **Hibah Bersyarat** - Hadiah bersyarat di mana anda bersetuju untuk memindahkan pemilikannya ke atas manfaat Takaful untuk dibayar kepada penama apabila anda meninggal dunia.
- **Ju'alah** - Ganjaran diberikan kepada Kami berdasarkan prestasi DERP dan APP, di mana 50% daripada lebihan bersih (jika ada) daripada DERP dan 10% daripada keuntungan pelaburan daripada APP akan dikongsi dengan Kami pada akhir setiap tahun kewangan.
- **Dana Risiko Peserta (DRP)** - Akaun pegangan Peserta yang mana potongan *Tabarru'* akan dikreditkan untuk tujuan bantuan bersama yang akan digunakan untuk membantu Peserta-Peserta yang memerlukan.
- **Akaun Pelaburan Peserta (APP)** - Akaun pegangan Peserta untuk Caruman, di mana pembahagian keuntungan pelaburan, jika ada, dan lebihan bersih daripada DERP. 90% daripada keuntungan pelaburan akan diberikan kepada anda dan 10% kepada Kami berdasarkan *Ju'alah*.

2 Kenali Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM4,520.00** tahunan, anda akan menerima **perlindungan/manfaat** Takaful Keluarga berikut:

Manfaat Kematian / HUKK	RM500,000 atau nilai APP, yang mana lebih tinggi
Manfaat Kematian akibat Kemalangan semasa menaiki Pengangkutan Awam	Tambahan RM500,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan di Luar Negara	Tambahan RM500,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan Balik Kampung	Tambahan RM1,000,000
Manfaat Kematian akibat Kemalangan Haji	Tambahan RM1,500,000
Manfaat Ziarah Plus	Tambahan RM50,000
Manfaat Matang	Nilai APP
Hak Istimewa Penjagaan Keluarga	Ahli keluarga anda (sehingga 4 orang) mempunyai pilihan untuk menyertai sijil Takaful lain dengan jumlah perlindungan sehingga RM125,000 bagi setiap orang, tanpa sebarang bukti kelayakan
Manfaat Pemulihan Tahunan HUKK	RM25,000 setiap tahun selama 10 tahun
Manfaat Tambahan	KritikalCare Essential, KritikalCare Waiver

Nota:

- Semua manfaat kecuali Manfaat Matang akan dibayar daripada DERP dan adalah dijamin.
- **Sila minta daripada pengantara anda untuk mendapatkan contoh Sijil untuk senarai penuh terma dan syarat.**

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah Sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Zurich Takaful Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Takaful Keluarga anda **mengecualikan**:

- Kematian - Jika disebabkan bunuh diri dalam tempoh 1 tahun, hanya nilai APP akan dibayar;
- HUKK - Keadaan perubahan yang anda alami, atau mengalami simptom, sebelum menyertai pelan (iaitu keadaan sedia ada); atau
- Melanggar atau cubaan melanggar undang-undang atau menentang penangkapan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda hendaklah merujuk kepada Sijil Takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai Takaful Keluarga anda, anda boleh:



Hubungi kami di
1-300-888-622



Layari kami di
<https://mya.zurich.com.my/rdt/familyhero>



E-mel kami di
callcentre@zurich.com.my

3 Ketahui Kewajipan Anda

Untuk Takaful Keluarga ini, anda mesti membayar caruman Takaful sebanyak:				
Caruman	RM4,520.00 (tahunan)			
Tempoh: 50 tahun				
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:				
Yuran Wakalah yang perlu anda bayar ialah 10.46% atau RM23,642.00 daripada jumlah caruman Takaful selama 50 tahun. Ia terdiri daripada 3.42% atau RM7,729.20 komisen kepada Perancang Kewangan.				
Yuran Wakalah	Tahun Sijil	% daripada Caruman	Amaun Tetap (RM)	Jumlah (RM)
	1	65.00%	150.00	3,088.00
	2	55.00%	150.00	2,636.00
	3	45.00%	100.00	2,134.00
	4	35.00%	100.00	1,682.00
	5	25.00%	75.00	1,205.00
	6	15.00%	75.00	753.00
	7 & seterusnya	5.00%	50.00	276.00
Komisen	Tahun Sijil	% daripada Caruman		Jumlah (RM)
	1	65.00%		2,938.00
	2	40.00%		1,808.00
	3	26.00%		1,175.20
	4	20.00%		904.00
	5	10.00%		452.00
	6	10.00%		452.00
	7 & seterusnya	Tiada		0.00
Caj lain yang berkenaan	Tabarru' - ditolak secara bulanan sehingga Sijil ini matang. Yuran Serahan - RM50 akan dikenakan jika Serahan dibuat dalam 3 tahun Sijil pertama. Cukai - caruman dan yuran mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan lain, jika berkenaan.			

4 Syarat-syarat Utama Lain

- Anda hendaklah mendedahkan semua fakta material seperti keadaan perubatan (jika ada) dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin berisiko tuntutan anda ditolak atau Sijil ditamatkan. - Caruman, kadar <i>Tabarru'</i> dan caj-caj lain adalah tidak dijamin. Caruman dan kadar <i>Tabarru'</i> adalah berdasarkan risiko biasa dan berbeza bergantung kepada keputusan pengunderaitan. - Pembayaran caruman melebihi tempoh ihsan boleh mengakibatkan Sijil luput dan boleh menjejaskan pembayaran manfaat masa hadapan. - Tempoh Ihsan Perlindungan: Bagi pelan pilihan caruman penuh sebelum Tahun Sijil ke-7 dan pelan pilihan caruman terhad, anda mempunyai 31 hari dari tarikh akhir caruman perlu dibuat untuk dilindungi dari kerugian yang berlaku. Bagi pelan pilihan caruman penuh, bermula Tahun Sijil ke-7, anda mempunyai 31 hari dari baki APP menjadi tidak mencukupi untuk potongan <i>Tabarru'</i> dan semua caj lain untuk dilindungi dari kerugian yang berlaku. - Tempoh Ihsan Caruman: Anda mempunyai 50 hari dari tarikh bil untuk membuat semua caruman tertunggak. Bagi pelan pilihan caruman penuh sebelum tahun Sijil ke-7 dan pelan pilihan caruman terhad, jika caruman yang perlu dibayar tidak dibuat dalam tempoh ini, Sijil akan luput. Bagi pelan pilihan caruman penuh, bermula tahun Sijil ke-7, jika caruman yang perlu dibayar tidak dibuat dalam tempoh ini, Sijil akan diteruskan secara automatik melalui Potongan Automatik <i>Tabarru'</i> daripada APP. - Keuntungan pelaburan daripada APP adalah tidak dijamin dan bergantung kepada prestasi dana yang sebenar. - Lien Juvana akan diguna pakai untuk Manfaat Kematian/ HUKK sebelum mencapai umur 4 tahun.	Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Anda hendaklah merujuk Sijil bagi senarai penuh terma-terma dan syarat -syarat.
--	---

? Bolehkah saya membatalkan Sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan Sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan Sijil anda dalam 15 hari selepas penghantaran Sijil. Caruman yang telah dibuat (ditolak sebarang bayaran perubatan yang dikenakan) akan dipulangkan kepada anda.
- Pembatalan/Penyerahan:** Selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan Sijil anda dengan memberikan notis bertulis kepada Kami. Nilai Serahan Sijil adalah bersamaan dengan nilai APP, selepas menolak sebarang jumlah tertunggak dan caj-caj yang berkenaan.

Zurich Takaful Malaysia Berhad [No. Pendaftaran 200601012246 (731996-H)] didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.